

# inSPIRED

[richworks.com/inspired](http://richworks.com/inspired)

**BUSINESS  
TALK**

**6** CARA ATASI RASA  
MALU MELAMPAU

**ROSDI MOHAMED  
SITI SARAH ABDUL SANI**  
BERBISNES DEMI ANAK-ANAK

**RICHWORKS™**  
Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

1 SEPTEMBER 2023 | BIL: 15  
[WWW.RICHWORKS.COM](http://WWW.RICHWORKS.COM)

# PENGORBANNAN SUAMI ISTERI

Mereka memulakan bisnes pada 2010 dengan berniaga secara kecil-kecilan menjual secara dalam talian.

Bagi pasangan suami isteri Rosdi Mohamed dan Siti Sarah Abdul Sani, mereka mahu berniaga bagi menjaga anak sulung yang pada ketika itu sudah hampir memasuki sekolah menengah dan tidak boleh duduk di pusat penjagaan lagi.

Menurut Rosdi, beliau dan isteri runding memikirkan siapa yang akan dapat menjaga anak perempuannya itu dan akhirnya timbul idea untuk menjalankan bisnes.

Katanya, beliau juga memang suka baca buku berkenaan bisnes dan rasa ia boleh dijalankan bagi menjana pendapatan.

“Ketika itu, isteri saya yang bekerja sebagai pentadbir sistem di kilang percetakan sanggup berkorban untuk berhenti kerja dan menjaga anak di samping menjalankan bisnes sepenuh masa yang bermula dari rumah.

“Saya menyokongnya dengan membantu secara separuh masa ketika bercuti dan di waktu lapang yang ada,” katanya yang merupakan seorang jurutera di sebuah syarikat penerbangan kos rendah di negara hingga hari ini.

Bagaimanapun, disangka panas sampai ke petang, rupa-rupanya hujan di tengah hari.  
Bisnes yang dijalankan itu entah ke mana.

Meskipun sudah menyewa kedai di Seri Kembangan, Selangor dengan menjual pelbagai barangan seperti kain pasang, baju kurung dan sebagainya, namun hasil yang diterima tidak seberapa.

Kedai mereka akhirnya tutup pada hujung 2015 ekoran pelbagai masalah, antaranya bila mana algoritma Facebook bertukar hingga beri kesan terhadap jualan yang menyebabkannya merudum. Situasi itu membuatkan mereka terpaksa kembali berniaga dari rumah.

“Pada masa itu, sedang tak tahu nak buat apa kami pun menyertai Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) sebelum mengikuti Millionaire Marketing Mastery (MMM) yang mengajar untuk fokus kepada satu benda saja.

“Tahun berikutnya, kami menukar bisnes kepada menjual kain sutera China hingga ke saat ini,” ujarnya.

## PERJALANAN DALAM SPIRE

Tidak mahu mengulangi kesilapan lagi, mereka memutuskan untuk dibimbing apabila Siti Sarah menyertai pementoran SPIRE pada Januari 2020.

“Masa itu, rasanya sangat bernasib baik sebab isteri sertai awal memandangkan





pada 18 Mac 2020 telah diumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Keputusan itu dibuat selepas kami sertai Bina Bisnes Berjaya pada tahun 2019. Apa yang kami pelajari waktu itu adalah kita kena tanam dalam diri apa-apa yang dibuat memerlukan ilmu dan jika tiada ilmu susahlah untuk kita berkembang dan berjaya,” kata Rosdi.

Memahami keadaan usahawan yang tertekan dek pandemik yang melanda, pelbagai program dan sokongan telah diberikan oleh Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman dan RichWorks kepada bangsa usahawan ketika dunia dilanda wabak Covid-19 agar mereka terus kuat dalam membangunkan perniagaan yang diusahakan.

Dalam setiap kesusahan, pasti akan ada kesenangannya. Meskipun dalam keadaan mencabar dan tak pernah dihadapi sebelum ini, masih terdapat bisnes yang mampu bangkit malah mengalami pertumbuhan luar biasa biarpun berdepan dengan dugaan yang besar.

Tidak terkecuali, Sarahrosdi Global Ventures juga turut mengalaminya. Rosdi kemudian mengambil keputusan untuk menyertai SPIRE pada 2021.

“Bila melihat isteri belajar banyak benda baharu membuatkan saya rasa perlu untuk menambah ilmu juga,” ujarinya yang mahu bersama dan beri sokongan lebih bagi membangunkan lagi bisnes bersama isterinya.

Bayangkan, Sarah ketika itu tidak berani langsung untuk membuat *live* di media sosial yang mana hanya stafnya saja yang bantu membuat sesi *live*.

Namun begitu, kini segalanya sudah

berubah asbab panduan daripada Dr. Azizan yang membuatkan Sarah sudah berani mengadakan sesi *live* malah semakin petah berkata-kata di hadapan kamera.

“Isteri saya paksa dirinya untuk buat *live* setiap hari ketika PKP. Kini kami ada 5 slot *live* di mana sesi utama pada tengah hari akan dilakukan Sarah dan empat sesi lagi dilakukan oleh staf,” kongsiannya.

Menimba pelbagai ilmu yang dan sesi bermanfaat dalam SPIRE, perkara paling disukai Rosdi dalam program tersebut adalah sesi bonus, Weekly Focus bersama Dr. Azizan.

“Meskipun saya kerja ke apa, saya tetap akan pastikan tidak ketinggalan kerana ketika itulah mentor akan kongsi pandangan tentang apa yang perlu kami tumpukan. Walaupun ada masa kena marah secara tidak langsung, tapi pasti akan ada bahagian yang membuatkan kita ‘terasa’ dan ingin berubah.

“Bila Dr. Azizan membimbing kami, kadang-kadang bila sedang *down* pun kita boleh bangkit kembali. Perkongsian usahawan-usahawan lain juga buat kami belajar daripada pengalaman mereka di samping membakar semangat sendiri untuk berjaya,” jelasnya.

“Pada 15 Mac 2020, saya sertai pementoran SPIRE, namun selang tiga hari selepas itu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula diumumkan.

“Ketika itu, RichWorks dan Dr. Azizan buat kelas setiap malam untuk menyokong para usahawan yang terkesan. Saya komited mengikutinya hingga ‘muntah hijau’ jadinya,” cerita Siti Sarah mengimbas kembali situasi ketika awal Covid-19 melanda.

# RM1 JUTA PERTAMA

Jelas Rosdi lagi, bisnes kain Sutera China yang dijalankan di bawah jenama Hara Hasya telah berjaya mencapai RM1 juta pertama pada Disember 2022.

“Alhamdulillah kami berjaya mencatatkan jualan berjumlah RM1.04 juta sepanjang tahun 2022.

“Sebenarnya, dalam tempoh 24 bulan Sarah berada dalam SPIRE iaitu Januari hingga 2020 Disember, kami telah berjaya mencapai jualan sekitar RM930,000. Lagi sikit saja nak capai RM1 juta pada waktu itu,” kongsiya lagi.

Ketika itu, terdapat cabaran lain terutama dalam aspek kepimpinan dan pengurusan pasukan. Bayangkan, pasukan jualan mereka tinggal seorang saja pada waktu itu dan pastinya ia memberi kesan terhadap jualan syarikat.

Namun, bila berada dalam *circle* yang betul membuatkan mereka dapat menambah baik lagi segala kekurangan dan kelemahan diri serta bisnes agar dapat berkembang ke tahap lebih tinggi.

“Perkara yang banyak membantu kami adalah ilmu pengetahuan tentang bisnes itu sendiri. Dengan bimbingan, kami didedahkan kepada aspek pemasaran, cara urus bisnes yang betul, urus *team* dengan berkesan, bagaimana nak berunding dengan pembekal, komunikasi dan banyak lagi.

“Saya banyak perbaiki dari segi kepimpinan, cara berkomunikasi dengan efektif, bagaimana nak sampaikan maklumat dengan jelas, cara nak cari staf bahkan cara ambil staf yang betul pun turut diajar,” jelasnya tentang ilmu yang diperoleh dari bimbingan RichWorks..





## MENGURUSKAN PASUKAN

Jika nak dibandingkan, dulu Rosdi dan Sarah jarang mengadakan mesyuarat bersama staf.

Namun bila jualan jatuh, kebanyakan usahawan hanya cuba menyalahkan pasukan sendiri.

“Sampai bila kita hanya nak menyalahkan *team*? Sebaliknya kita perlulah *align*

dengan pasukan agar memudahkan syarikat untuk mencapai sasaran atau matlamat yang ditetapkan.

“Contohnya, RichWorks adakan Executive Coaching yang melatih *team leader* saya dapati sangat membantu. Kini mereka sudah boleh *take up* banyak perkara meskipun saya atau Sarah tiada di pejabat,” ujarnya.



# 3

## PESANAN

1

### **PERTAMA, CARILAH MENTOR YANG ADA RESULTS.**

Kata Sarah, mentor saja tak cukup tanpa ada bukti yang mana menunjukkan betul-betul berjaya membantu para usahawan.

“Bila ada mentor, usahawan itu akan ditegur untuk lebih maju. Bila mula malas, kita akan cepat sedar dan bangkit. Lebih menguntungkan, setiap minggu Dr. Azizan akan melihat dan kongsi perspektifnya dalam membantu anak didiknya,” jelasnya.

2

### **KEDUA, PERLU LETAKKAN KEPERCAYAAN KEPADA PROSES YANG ADA.**

“Mungkin masa ini kita tak nampak, apalah benda yang mentor suruh ini. Tapi sebenarnya mentor sudah tahu apa yang bakal terjadi jika kita melakukan apa yang telah disuruh itu.

“Dr. Azizan ada kata, jangan percaya, buat saja,” kongsi Rosdi.

3

### **KETIGA, FOKUS DAN KONSISTEN DALAM MENJALANKAN AKTIVITI PEMASARAN.**

“Sekarang ini mudah, hanya perlukan *tripod* dan telefon bimbit maka kita sudah ada saluran televisyen sendiri.

“Penting untuk buat orang nampak sebab macam mana orang nak yakin dengan bisnes kita jika mereka tak nampak?” ujar Sarah.

Tambah Rosdi, isterinya bukan saja sudah pandai menjalankan *live* malah sudah ada penyokong tegar yang tolong jawabkan soalan penonton lain ketika sesi *live* sedang berlangsung di media sosial.





# **BUSINESS TALK!!!**



# ATASI RASA MALU MELAMPAU DENGAN 9 CARA INI

Malu tapi mahu! Jika dikenangkan semula, agak-agak banyak tak peluang dalam hidup yang anda terlepas disebabkan perasaan malu?

Usah menyesal dengan apa yang terjadi, yang sudah itu sudah. Namun, anda masih boleh melakar masa depan anda dengan mengatasi rasa malu yang menebal dalam diri itu. Mengatasi rasa malu dalam diri adalah satu proses yang memerlukan masa dan usaha. Berikut adalah beberapa langkah yang boleh membantu anda mengatasinya:

## **1** FAHAMI PUNCA MASALAH

Pertama, cuba fahamkan mengapa anda merasa malu. Adakah pengalaman masa lalu atau situasi tertentu yang menimbulkan perasaan itu? Dengan memahami punca masalahnya, anda boleh mengatasi rasa malu tersebut dengan lebih baik.

## **2** TERIMA DIRI ANDA

Perasaan malu sering kali muncul kerana kita rasa kita tidak memenuhi piawaian atau harapan tertentu. Ingatlah bahawa setiap orang mempunyai kelemahan dan kesilapan. Terimalah diri anda seadanya dan

akui bahawa ketidaksempurnaan adalah sebahagian daripada sifat kemanusiaan.

## **3** UBAH PEMIKIRAN NEGATIF

Daripada melihat kepada perkara yang salah atau kurang dalam diri anda, apa kata alihkan fokus kepada aspek yang positif.

Buat senarai pencapaian, kelebihan dan kualiti positif yang anda miliki. Perkara ini boleh membantu anda membina keyakinan diri.

## **4** LATIH DIRI DENGAN BERSOSIAL

Salah satu cara untuk mengatasi rasa malu di khalayak ramai adalah dengan berlatih. Mulakan dengan situasi yang lebih kecil dan secara beransur-ansur supaya anda lebih bersedia.

Contohnya, jika anda berasa malu berbicara di hadapan ramai orang, anda boleh mula dengan berbicara di hadapan rakan-rakan terdekat terlebih dahulu.

## **5** BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN

Setiap pengalaman boleh menjadi pengajaran berharga tidak kiralah jika

anda berjaya atau gagal sekalipun. Jika anda berada dalam situasi yang menimbulkan rasa malu, cuba lihat ia sebagai peluang untuk belajar dan berkembang.

## 6 JAGA DIRI DENGAN BAIK

Kesejahteraan fizikal dan mental memainkan peranan penting dalam mengatasi rasa malu. Pastikan anda tidur secukupnya, makan dengan baik serta teratur dan lakukan aktiviti yang anda nikmati untuk meredakan tekanan yang dialami.

## 7 CARI SOKONGAN

Bercakap dengan rakan rapat, ahli keluarga atau individu pakar (seperti ahli psikologi atau kaunselor) boleh membantu anda mengatasi rasa malu. Bercakaplah tentang perasaan anda selain mendengarkan nasihat atau pandangan daripada orang lain.

## 8 AMALKAN RASA SYUKUR


Mengembangkan rasa syukur terhadap perkara yang anda miliki boleh membantu meredakan perasaan malu. Fokus kepada perkara yang positif dalam hidup anda dan ingat bahawa perasaan malu hanya sebahagian kecil daripada pengalaman anda.

## 9 LATIHAN DAN MEDITASI

Teknik kestabilan, pernafasan dalaman dan meditasi boleh membantu anda menguruskan tekanan dan kebimbangan yang sering berkaitan dengan rasa malu.

Selain itu, bayangkan bahawa khalayak ramai yang berada di hadapan itu umpama rumput nan hijau atau apa-apa yang tidak bernyawa supaya anda tidak berasa terlalu gemuruh untuk berucap.

Ingatlah bahawa mengatasi rasa malu adalah perjalanan yang unik untuk setiap individu. Tiada penyelesaian serta-merta tetapi dengan usaha dan kesungguhan, anda boleh membina keyakinan diri dan mengurangkan rasa malu dalam hidup anda. Jika perasaan malu terus mengganggu kesejahteraan hidup anda, pertimbangkan untuk mencari bantuan daripada pakar profesional yang terlatih.





# EKSKLUSIF!

## GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

### **Klinik Usahawan**

## SIRI **BINA BISNES BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan  
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA  
DR AZIZAN OSMAN  
MenThor Usahawan Jutawan



**Buku Untuk Usahawan  
Bakal Jutawan!**

**+  
Sesi Penilaian Perniagaan  
Anda berharga RM497**

**100% PERCUMA**

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: [richworks.com/satujutapertama](http://richworks.com/satujutapertama)

**inSPIRED**<sup>TM</sup>  
E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



**RICHWORKS**<sup>®</sup>  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

**PENAFIAN :** Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.